



SIARAN MEDIA

TAMAN NEGARA JOHOR ENDAU ROMPIN DIiktiraf Sebagai ASEAN HERITAGE PARK

Taman Negara Johor Endau Rompin di Johor berjaya mendapat pengiktirafan sebagai ASEAN *Heritage Park* (AHP) ke-51. Pengiktirafan ini merupakan yang keempat buat Malaysia selepas pengiktirafan Taman Negara Gunung Mulu, Sarawak; Taman Negara Kinabalu, Sabah; dan Taman Negara (Pahang, Kelantan dan Terengganu) pada tahun 1984.

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) sebagai *national focal point* kepada program AHP ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor di atas pengiktirafan ini. Usaha pencalonan bagi mendapatkan pengiktirafan ini bermula sejak tahun 2018 dan telah diluluskan oleh Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN pada 7 Julai 2022. Ini merupakan kejayaan buat Malaysia amnya dan Kerajaan Negeri Johor khususnya dalam meningkatkan pemuliharaan biodiversiti. Pada masa yang sama, kejayaan ini meningkatkan imej Taman Negara Johor Endau Rompin sebagai kawasan berkepentingan biodiversiti serantau.

AHP merupakan suatu program di bawah kerjasama ASEAN untuk menguruskan jaringan kawasan di negara-negara ASEAN yang mempunyai keunikan, kepelbagaian biologi dan nilai ekologi terpenting. Pengiktirafan AHP diberikan kepada kawasan yang mempunyai nilai-nilai alam semula jadi serta kepelbagaian biodiversiti yang tinggi seperti taman negara, rizab alam semula jadi dan rizab hidupan liar.

Taman Negara Johor Endau Rompin berkeluasan 48,905 hektar dilitupi oleh lebih 90% hutan hujan tropika serta ekosistem yang masih terpelihara. Kawasan ini membentuk kawasan teras Landskap Hutan Selatan seluas 10,000 kilometer persegi yang memainkan penting sebagai habitat mamalia besar yang terancam terutamanya Harimau Malaya.

Taman Negara Johor Endau Rompin kaya dengan kepelbagaian biologi di mana ia dianggarkan mempunyai lebih daripada 1,593 spesies flora yang mewakili 19.2% flora di Semenanjung Malaysia termasuk 38 spesies yang berstatus *Critically Endangered* (CR), 16 spesies *Endangered* (EN) dan 26 spesies *Vulnerable* (VU). Kekayaan fauna pula merangkumi 39 spesies mamalia, 253 spesies burung, 140 spesies amfibia dan reptilia, 108 spesies ikan air tawar dan 274 spesies rama-rama.

KeTSA menyambut baik sebarang usaha yang diambil oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mencalonkan kawasan-kawasan yang berpotensi sebagai tapak AHP atau tapak-tapak berkepentingan biodiversiti antarabangsa seperti Ramsar, *Man and the Biosphere* (MAB) dan *East Asian-Australasian Flyway Partnership* (EAAFP). KeTSA komited untuk menyokong usaha-usaha yang dilaksanakan bagi memastikan khazanah biodiversiti negara terus terpelihara.

**YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

9 OGOS 2022

Unit Komunikasi Korporat I Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web www.ketsa.gov.my

 KeTSAMalaysia  KeTSAMalaysia  ketsa.malaysia

